

PM: Selesaikan segera krisis MCA
Malaysiakini.com
Aug 28, 2009
Salhan K Ahmad

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak menggesa MCA supaya menyelesaikan segera masalah dalamannya sebelum ia menjadi isu besar kepada BN.

Bercakap selepas merasmikan mesyuarat Majlis Penasihat ekonomi Negara di ibunegara hari pagi ini, beliau berkata, kedua-dua pihak dalam parti itu mesti memberi pertimbangan kepada kepentingan BN dan tidak membiarkan krisis dalam itu menjadi semakin "parah".

Beliau bimbang sokongan masyarakat umum ke atas BN akan semakin terhakis akibat daripada perpecahan di kalangan anggota parti berkenaan, susulan daripada pemecatan timbalan presiden MCA Datuk Seri Dr Chua Soi Lek.

Chua dipecat oleh lembaga disiplin MCA kelmarin ekoran tercetusnya skandal rakaman video hubungan seksnya.

"Jangan sampai krisis ini menyebabkan masyarakat menolak parti MCA dan implikasinya kepada BN," kata Najib.

Beliau turut menjelaskan, penyelesaian itu tersebut memerlukan orang tengah untuk membawa kedua-dua pihak terbabit ke meja rundingan.

"Penyelesaian kepada krisis MCA adalah penting untuk BN, lebih cepat diselesaikan lebih baik.

"Tapi kita kena tunggu kesediaan kedua-dua pihak, (dan kena tengok) kalau (ada) pihak yang mahu jadi 'orang tengah' sebab pada peringkat awal ini, kedua-dua pihak masih berkeras dengan pendirian masing-masing

"Kepentingan BN perlu diambil kira. BN perlu pada MCA yang kuat dan MCA yang boleh mewakili masyarakat kaum Cina dan Malaysia pada keseluruhannya," katanya.

Najib yang bimbang dengan perkembangan itu bagaimanapun berkata, secara prinsipnya beliau tidak dapat masuk campur dalam urusan dalaman parti komponen BN.

"Saya kena patuh dengan prinsip dalam BN. Soal dalaman, termasuk soal disiplin adalah dalam budi bicara sesebuah parti komponen BN," katanya.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/111599>